



**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
BIL.1/2021**

PENETAPAN KAEDAH PEMBERIAN DISKAUN PREMIUM BAGI PEMBANGUNAN TANAH

1. Tujuan

- 1.1. Arahan ini adalah sebagai panduan kepada semua warga kerja pentadbiran tanah di seluruh Negeri Sembilan mengenai penetapan kaedah pemberian diskaun bagi **pembangunan tanah**.

2. Latar Belakang

- 2.1. Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Sembilan pada 6 Januari 2021 telah mengambil keputusan bersetuju insentif diskaun bayaran premium **pembangunan tanah** dilanjutkan bermula **1 Januari 2021 sehingga 30 Jun 2021**.

3. Pelaksanaan

- 3.1. Pemberian diskaun ini hanya untuk **pembangunan tanah** sahaja.
- 3.2. **Diberikan** diskaun premium **pembangunan tanah** sebanyak **25%** kepada pemohon yang menjelaskan bayaran premium sekaligus dalam tempoh **30 hari** dari tarikh menerima Notis 5A atau 7G daripada Pentadbir Tanah Daerah;
- 3.3. **Diberikan** diskaun premium **pembangunan tanah** sebanyak **15%** kepada pemohon yang menjelaskan bayaran premium sekaligus dalam tempoh **60 hari** dari tarikh menerima Notis 5A atau 7G daripada Pentadbir Tanah Daerah;

- 3.4. Bayaran ini perlulah dibuat dalam tempoh keistimewaan yang dinyatakan dan diluluskan oleh Pentadbir Tanah Daerah atau Timbalan Pentadbir Tanah Daerah. Bayaran secara *postdated cheque* tidak boleh diterima kerana bayaran secara cek hendaklah boleh di *bank in* pada hari yang sama;
- 3.5. Pemberian diskaun premium pembangunan tanah tidak terpakai kepada pemohon yang telah diluluskan rayuan pengurangan premium oleh MMKNS dalam permohonan yang terdahulu bagi projek / fail yang sama; dan
- 3.6. Pemohon yang **gagal membuat bayaran dalam tempoh setahun** dari tarikh menerima Notis 5A atau Notis 7G daripada Pentadbir Tanah Daerah, Pentadbir Tanah Daerah diminta untuk mendapatkan nilai semula **kadar premium yang baru** daripada Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Negeri Sembilan.

4. Tarikh Kuatkuasa

- 4.1. Arahan ini berkuatkuasa serta merta dan hendaklah dipatuhi sepenuhnya.
- 4.2. **Surat Arahan Pengarah Tanah dan Galian Negeri Sembilan Bil (32) dlm PTGNS 19/55 Klt.8 bertarikh 6 Julai 2020** berkaitan penetapan kaedah pemberian diskaun bagi pemberimilikan tanah dan pembangunan tanah adalah **dibatalkan**.



(DATO' HAJI ZULKIFLI BIN BAHARAN)

Pengarah Tanah dan Galian Negeri,
Negeri Sembilan Darul Khusus.

Tarikh : 07 Januari 2021
Rujukan : Bil (44) dlm. PTGNS.10/17 klt.3